

07 NOV 1996

MAHATHIR UTUS TAHNIAH KEPADA CLINTON

KUALA LUMPUR, 7 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengutuskan ucapan tahniah kepada Presiden Amerika Syarikat Bill Clinton kerana dipilih semula ke jawatan itu.

Dr Mahathir berkata pemilihan semula Clinton mencerminkan keyakinan rakyat Amerika kepada kebolehannya untuk memimpin Amerika ke arah pencapaian yang lebih tinggi pada masa akan datang.

Perutusan itu dikeluarkan oleh Wisma Putra hari ini.

Perdana Menteri yang sedang melawat Guinea di Afrika barat, berkata beliau menghargai perundingan dan usaha lain yang telah dilakukan untuk mengukuhkan lagi hubungan Malaysia-AS.

"Saya berharap untuk meneruskan kerjasama dengan anda dalam usaha menggalakkan perdamaian dan keselamatan dunia terutama di Bosnia-Herzegovina," kata beliau.

Dr Mahathir juga menghantar perutusan kepada Presiden Russia Boris Yeltsin yang telah selamat menjalani pembedahan jantung.

Beliau berkata beliau gembira mendengar tentang kejayaan pembedahan itu dan berharap Yeltsin akan segera pulih. -- BERNAMA

MAM CTL NMO